



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESSOR DATO' DR. MOHD MANSOR BIN HAJI MOHD SALLEH
BEKAS PENGARAH ITM (1986-1993)**

OLEH:

ZUHEIR ASHRAF BIN ZAKARIA	2012923413
AHMAD ASHRAF BIN AHMAD ROSLI	2012392253

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESSOR DATO' DR. MOHD MANSOR BIN HAJI MOHD SALLEH
BEKAS PENGARAH ITM (1986-1993)

OLEH:

ZUHEIR ASHRAF BIN ZAKARIA	2012923413
AHMAD ASHRAF BIN AHMAD ROSLI	2012392253

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Kami bersyukur kepada Allah S.W.T, yang telah memberi kami peluang dan kesempatan kepada kami untuk menyiapkan tugas kumpulan ini, tanpa rahmat dan keizinannya, kami tidak akan berada di sini bagi melengkapkan kerja berkumpulan ini. Dengan keizinannya juga kami berjaya menyiapkan kerja ini dengan sebaiknya pada waktu yang sepatutnya. Tugas yang disediakan oleh pensyarah kami (Puan Nurulannisa binti Abdullah) bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604) ialah berdasarkan kertas kerja yang diberi oleh pihak university

Dengan ini kami ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada pensyarah kami yang bernama Puan Nurulannisa binti Abdullah yang membantu kami dalam menyiapkan kerja berkumpulan ini. Beliau telah banyak memberi maklumat bagi membantu kami menyiapkan projek ini, kami sangat menghargai segala bantuan dan dorongan yang diberikan olehnya.

Keduanya, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada Professor Dato' Dr. Mohd Mansor bin Haji Salleh bagi meluangkan masa dan memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam membantu kami menyiapkan projek ini.

Disamping itu, kami ingin memberi setinggi penghargaan kepada rakan sekelas kami iaitu dari kumpulan D1IM2455A yang banyak memberi bantuan dari segi idea dan moral. Mereka juga banyak membantu kami dalam memberi kerjasama yang tinggi dalam menyelesaikan tugas ini.

Tidak lupa kepada mereka yang terlibat dalam memberi kerjasama dalam menyelesaikan tugas ini sama ada dengan secara langsung atau tidak langsung.

Terima Kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Professor Dato' Dr Mohd Mansor Haji Mohd Salleh bersama Ahmad Ashraf Ahmad Rosli mengenai pengalaman beliau dalam bidang 'Metallurgy' di sektor pendidikan dan jugak sektor industri serta pengalamannya dalam mengubah gaya hidup pelajar ITM sepanjang beliau berkhidmat sebagai Pengarah ITM yang ke-5. Transkrip temubual ini dijalankan di sebuah kafe bernama 'Coffee Planet' di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor pada 29 Mei 2015 bermula pada jam 3.30 petang hingga jam 6.15 petang. Beliau merupakan tokoh yang berkhidmat dengan pendirian yang tegas dan berwibawa dalam mendidik pelajar dan kaum Melayu. Temubual ini menumpukan pengalaman beliau sewaktu menjadi seorang pensyarah dan juga sewaktu beliau berkhidmat sebagai pensyarah ITM.*

Kata kunci: *Profesor Dato' Dr. Mohd Mansor bin Haji Mohd Salleh, Institut Teknologi Mara, Universiti Teknologi Mara, Metallurgy*

ISI KANDUNGAN

TAJUK

**MUKA
SURAT**

PENGHARGAAN..... i
ABSTRAK.....ii
BIODATA TOKOH 1
PENGENALAN 2

TRANSKRIP 3
 BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH 3
 BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN 11
 BAHAGIAN 3: KERJAYA..... 50

LAMPIRAN 95
 LOG WAWANCARA 95
 DIARI KAJIAN..... 101
 SOALAN TEMURAMAH 102
 SURAT PERJANJIAN 108
 INDEKS 112

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Professor Dato' Dr. Mohd Mansor Bin Haji Salleh
Umur : 71 Tahun
Tarikh Lahir : Tahun 1944
Pekerjaan : Pensyarah UniKL IPROM
Bidang : Metallurgy
Tempat Tinggal : Seksyen 11, Shah Alam, Selangor
Hobi : Menulis
Kampung Asal : Kedah
No. Telefon : 013 – 399 #####
Email : drmansor@unikl.edu.my
Nama Isteri : Rokiah Abdul Hassan
Nama Anak :

1. Siti Mahnun bt Mansor
2. Ahmad bin Mansor
3. Siti Khadijah bt Mansor

PENGENALAN

PENGENALAN

Professor Dato' Dr Mohd Mansor bin Haji Salleh merupakan anak jati Kedah yang telah menetap di Shah Alam, Selangor pada jangka masa yang lama. Beliau merupakan seorang yang berpendirian tegas dan sangat bersemangat dalam menguatkan jati diri anak melayu tanpa mengira sebarang halangan dan susah payahnya untuk merealisasikan impian untuk membina anak melayu yang berdisiplin. Beliau lahir di Simpang Empat, Kedah dan dibesarkan di situ sehingga beliau berumur 11 tahun. Beliau menerima pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Simpang Empat, Kedah dan menegengah di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) dan Maktab Tentera Diraja (RMC). Kemudian beliau menyambung pengajian ke peringkat ijazah, ijazah sarjana, dan doktor falsafah dalam bidang *Metallurgy* di luar negara iaitu University of South Wales and Monmouthshire, University of Birmingham, dan University of Manchester. Kemudian, beliau terus berkhidmat dengan Universiti Malaya sebagai penolong pensyarah.

Sewaktu melanjutkan pengajian di University of South Wales and Monmouthshire di Cardiff, beliau telah berkenalan dengan pasangan hidupnya dan berkahwin di sana. Puan Rokiah Abdul Hassan merupakan suri rumah sepenuh masa walaupun mempunyai kelulusan pendidikan peringkat ijazah sarjana, telah banyak membantu beliau dalam menempuhi zaman pembelajaran. Puan Rokiah merupakan seorang yang berdedikasi dalam menyempurnakan keharmonian dan keseimbangan keluarganya.

Sepanjang kehidupannya bersama isterinya, mereka telah dikurniakan dua orang anak perempuan dan juga seorang anak lelaki. Anak yang sulung mereka iaitu Siti Mahnun merupakan seorang pereka grafik di SIRIM, anak kedua mereka Ahmad, merupakan pengusaha syarikat perniagaan persendirian, dan manakala anak bongsu mereka, Siti Khadijah ialah seorang pegawai kerajaan kelas A di MIDA (*Malaysian Investment Development Authority*).

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Ahmad Ashraf bin Rosli dan Zuheir Ashraf bin Zakaria bersama Profesor Dato' Dr Mohd Mansor Haji Salleh mengenai latar belakang beliau dan sepanjang bergelar pendidik dan lain-lain pengalaman. Temubual ini dimulakan pada pukul 3.30 petang pada 29 Mei 2015 bertempat di *Coffee Planet*, Shah Alam, Selangor.

Petunjuk:

MS : Prof. Dato' Dr. Mohd Mansor Haji Salleh
AA : Ahmad Ashraf bin Ahmad Rosli

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

AA : **Boleh professor sebutkan nama penuh professor?**

MS : Dr Mohd Mansor Haji Salleh.

AA : **Bilakah Professor dilahirkan?**

MS : *Lima belas haribulan sembilan* [15/9], tahun *44* [1944].

AA : **Di manakah professor dilahirkan? *Kat* [dekat] mana *tu* [itu]?**

MS : Di Simpang Empat, Kedah. Dibesarkan sampai darjah *lima* [5]. Selepas itu pindah ke Gua Cempedak. Lepas *tu* [itu] tak pindah sampai belajar di sekolah menengah.

- AA** : Belajar *tu* [itu] dekat Gua Cempedak juga ke ---?.
- MS** : Sekolah Menengah di Sekolah Tungku Abdul Rahman S-T-A-R. Saya *ni* [ini] kumpulan pertama. *First batch* [kumpulan pertama] masuk situ tahun *lima puluh sembilan hingga lima puluh enam* [59-56].
- AA** : Dimanakah tempat menetap Professor sekarang?
- MS** : Oh, *ni* [ini] *interesting question* [soalan menarik] *ni* [ini] (ketawa). Shah Alam lah di Seksyen *sebelas* [11]. Tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984]. Masa itu saya dipinjamkan menjadi Ketua Pengarah SIRIM.
- AA** : Sebelum duduk dekat Seksyen *sebelas* [11] *tu* [itu] kan, *kat* [dekat] tempat mana lagi yang Profesor pernah duduk dulu. Ke daripada Gua Cempedak, habis belajar terus ke Seksyen *sebelas* [11]?
- MS** : Fuh banyak cerita *ni*[ini], panjang cerita. *Okay* [baiklah], pergi belajar di Ipoh sampai tahun *enam puluh* [1960]. Tahun *enam puluh satu* [1961] di Sungai Besi, ke Port Dickson, RMC. *Maktab Tentera Diraja* [Royal Military College], Sekolah bagus-bagus belaka (ketawa). Disiplin kuat punya. Tahun *enam puluh satu* [1961] pergi port Dickson *tiga* [3] bulan, *enam* [6] bulan lepas *tu* [itu] pergi Sungai Besi, sekolah baru.

AA : **Sungai Besi tu [itu] bila?**

MS : Tahun *enam puluh satu* [1961], *jugak* [juga].

AA : **Selepas Sungai Besi tu [itu], berpindah ke mana pulak [pula]?**

MS : Selepas Sungai Besi, *duk* [duduk] *overseas* [luar negara]. Di Sungai Besi tu RMC dari *form 4* [tingkatan empat] sampai *form 6* [tingkatan 6], *upper 6* [tingkatan enam atas].

AA : **Di *overseas* [luar negara] tu [itu] dekat mana?**

MS : Cardiff, Wales. Ke Cardiff *empat* [4] tahun, lepas tu [itu] pergi Birmingham *satu* [1] tahun, sambung belajarliah, *Masters with Honor* [Master dengan Kepujian]. Lepas tu [itu], balik mengajar ke Universiti Malaya, *the first job* [kerja pertama] lah.

AA : **Maknanya habis belajar di Birmingham terus kerja di Universiti Malaya. Jadi bila dah bekerja di Universiti Malaya tu [itu], duduk di mana?**

MS : Duduk di PJ Seksyen *lima* [5], selama *dua* [2] tahun. Lepas tu [selepas itu] pergi Seksyen *empat belas* [14], PJ. Lepas tu [selepas itu] Seksyen *tujuh belas* [17], PJ. Masuk ke dalam kampus, jadi Pengetua jadi warden.

Di kolej ke pertama. *Lepas tu* [selepas itu] kolej ke *lima* [5] lepas jadi warden setahun *pastu* [selepas itu] pergi England, Manchester.

AA : Dekat Manchester berapa lama?

MS : *Tiga* [3] tahun. Selepas itu, balik ke Malaysia ni [ini] dah jadi *lecturer* [pensyarah], di Universiti Malaya. *Dia* [Universiti Malaya] hantar saya pergi buat PhD.

AA : Jadi lepas [selepas] tiga [3] tahun di Manchester, kembali ke Universiti Malaya?

MS : Balik mengajar balik. Jadi warden juga di Kolej Kedua. Universiti Malaya.

AA : Jadi lepas ke Manchester, patah balik semula ke Malaysia duduk dalam Universiti Malaya tu, kemudian apa jadi, bila pindah lagi?

MS : Dipinjamkan ke SIRIM, jadi Ketua Eksekutif SIRIM lah. Tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984], Ogos atau September.

AA : Jadi lepas [selepas] pindah ke Seksyen *sebelas* [11] *tu* [itu] dah memang *tak* [tidak] pindah lagi?

MS : Ada, duduk Bangsar sekali masa dekat Universiti Malaya *dulu* [dahulu] ada sekejap duduk Bangsar.

AA : **Jadi sekarang *ni* [ini] Seksyen *sebelas* [11] *ni da* [ini sudah] memang kira rumah yang selama-lamanya, *tak* [tidak] ada rancangan *nak* [mahu] pindah ke tempat lain lagi?**

MS : Balik kampunglah. *Kat* [dekat] Kedah *tu ha* [sana], belum tahu lagi.

AA : **Boleh saya tanya apakah nama ibu Profesor?**

MS : Argon, A-R-G-O-N.

AA : **Ibu *tu* [itu] orang mana?**

MS : Kedah.

AA : **Bukan apa, nampak nama macam agak unik sedikit jadi saya ingat mungkin kacukan luar negara ke?**

MS : Oh, dia orang Jawa.

AA : **Nama ayah profesor?**

MS : Haji Salleh.

AA : Masih hidup lagi ke atau *dah* [sudah] meninggal dunia?

MS : *Dah* [sudah] lama.

AA : Dua-dua meninggal kedah *eh* [ya], bila *tu* [itu]?

MS : Tahun berapa *eh* [ya], *tak* [tidak] ingat lah. *Around* [dalam] *sembilan belas sembilan puluh dua* [1992] *bapak* [bapa] meninggal *but my mother earlier* [tapi ibu saya meninggal awal].

AA : Profesor ada berapa adik beradik?

MS : Ada lagi, sekarang ada lagi *empat* [4].

AA : Ada *empat* [4] adik-beradik. Profesor anak yang keberapa?

MS : *Empat* [4].

AA : Profesor yang bongsu sekali?

MS : Ada *dua* [2] orang bawah saya.

AA : Jadi maknanya jumlah *enam* [6]?

MS : *Enam* [6]. Yang hidup lagi *empat* [4].

AA : **Okay [baiklah], umur professor sekarang berapa?**

MS : *Tujuh puluh satu* [71]. Kira dari tarikh saya *sembilan belas empat puluh empat* [1944]. *Tujuh puluh* [70] *something* [lebih] lah. *September ni* [ini] *tujuh puluh satu* [71].

AA : **Profesor bila berumahtangga?**

MS : *Tahun enam puluh tujuh* [1967]. Di Cardiff, di Wales. *Long time* [sudah lama].

AA : **Nama penuh isteri apa dia?**

MS : Rokiah Abdul Hassan.

AA : **Macam mana jumpa?**

MS : Dia pergi cari saya (ketawa). Jumpa *kat* [dekat] sana. Kahwin di sana. Nak kurang belanja.

AA : **Jadi berapa lama kenal tu sebelum kahwin?**

MS : Lama jugak lah. Dalam setahun lebih.

AA : Okay kalau macam tu, nak tanya pasal anak pulak. Berapa ramai anak?

MS : Tiga [3]. Siti Mahnun, Ahmad, dan Siti Khadijah

AA : Usia mereka berapa?

MS : Siti Mahnun ---, Ahmad *tiga puluh lima* [35]. Khadijah *tiga puluh dua* [32]. Ke semua tiga-tiga *dah* [sudah] kahwin.

AA : Apakah pekerjaan mereka?

MS : Siti Mahnun kerja dekat SIRIM, Graphic Designer di SIRIM. Yang kedua *tu* [itu] *businessman* [ahli perniagaan], kerja sendiri. Yang ketiga kerja di *MIDA* [Malaysian Investment Development Authority].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN

AA : **Jadi kita nak tanya di mana professor bersekolah rendah?**

MS : Macam tadi *dah* [sudah] sebut dah, Sekolah Rendah Simpang Empat. Dia panggil Sekolah Kebangsaan Simpang Empat, masa *tu* [itu] dia masih panggil sekolah kebangsaan. Lepas *tu* [itu] sekolah situ tukar nama Sekolah Kebangsaan Hassan Itam.

AA : **Okay [baiklah], sekolah menengah di mana *tu* [itu]?**

MS : Sekolah menengah *tu* [itu] tadi di STAR dengan RMC, STAR, Tunku Abdul Rahman. RMC, Maktab Tentera Diraja. STAR sampai *form four* [tingkatan 4] kemudian RMC.

AA : **Okay jadi STAR sampai *form four* [tingkatan] la, RMC *tu* [itu] form 5?**

MS : *Form 4* [tingkatan 4], *lima* [5], *lower* [rendah], *upper* [atas], *empat* [4] tahun [rujuk kepada RMC]

AA : **Oh, *lower upper* [rendah atas], ada tingkatan *enam* [6] sekali?**

MS : *A'ah* [Ye]. *You all* [kamu semua] *takde eh* [tiada] sekarang *ni* [ini].

AA : **Tingkatan *enam* [6]? Ada tapi tengok sekolah. Ada bergantung kepada sekolah, ada sekolah tawarkan tingkatan *enam* [6] ada yang sekolah *tak* [tidak] tawarkan. *Okay* [baiklah] jadi waktu belajar di STAR dan RMC dulu, aliran apa yang diikuti macam aliran sains ke ataupun—?**

MS : Zaman *tu* [itu] mana ada ---.

AA : **Zaman *tu tak* [itu tiada] ada *eh* [ye]. Oh zaman dulu dia ---?**

MS : Semua belajar, *tu* [itu] yang bagus *tu* [itu]. Sekarang *ni* [ini] dah lain. Tapi *masa* [semasa] RMC, *masa* [semasa] *form five* [5], *form four* [4] *tu* [itu] dah [sudah] Sains.

AA : ***Dah* [sudah] masuk aliran Sains waktu *tu* [itu]?**

MS : *Form four* [tingkatan 4] sampai *upper 6* [tingkatan 6 atas], sains.

AA : ***Okay* [baiklah], jadi waktu bersekolah dahulu profesor aktif dengan aktiviti dalam ataupun luar sekolah?**

MS : Mestilah.

AA : **Jadi aktiviti macam mana *tu* [itu]?**

MS : Sukan.

AA : **Sukan yang sekolah punya?**

MS : *Play for college* [Bermain untuk kolej].

AA : **Oh, termasuk kolej sekali *eh* [ye]?**

MS : RMC *tu [itu]* kolej.

AA : **Jadi selain daripada itu, ada aktiviti lain lagi yang professor aktif waktu di zaman sekolah dahulu?**

MS : Saya *dulu* [dahulu] *Secretary of Sailing Club* [Setiausaha Kelab Pelayar].

AA : **Sailing Club? Kelab Layar? Itu RMC?**

MS : Kelab pelayar. *A'ah* [ye]. *Secretary of Photography Club* [Setiausaha Kelab Fotografi]

AA : ***Sailing* [layar] dan Fotografi, lagi?**

MS : Lepas *tu [itu]* *Secretary of* [setiausaha bagi] Persatuan Kebudayaan Kebangsaan. Dia kena aktif lah sebab *tu [itu]* kita bagus kan? Dia *tak* [tidak] aktif *tak* [tidak] boleh, *ni [ini]* lembik *tak* [tidak] boleh la. Itu

selain dari kita belajar, di RMC dia ada, *every Saturday* [setiap hari sabtu]
dia ada *military training* [latihan ketenteraan].

AA : **Latihan ketenteraan *eh* [ye]. Dia macam khidmat negara zaman sekarang?**

MS : Kita ada belajar menembak, lepas *tu* [itu] kita pergi --- macam cuti sekolah kita pergi main bukit, panjat bukit, panjat gunung bukan bukit.

AA : **Oh mendaki la?**

MS : *A'ah* [ye] mendaki ataupun naik *raft* [rakit], *rafting* [berakit]. Saya biasa naik *rafting* [berakit] dari bandar Manik Urai sampai ke Tumpat. Ada cerita dalam buku *tu* [itu] saya *tak* [tidak] bawak [merujuk kepada penulisannya].

AA : ***Okay* [baiklah] jadi - zaman profesor dahulu, pernah dapat sebarang anugerah?**

MS : (Ketawa) mana ada (ketawa) masa di STAR *tu* [itu] dapatlah *prize* [anugerah] daripada Tunku Abdul Rahman.

AA : **Dari Tunku Abdul Rahman?**

MS : *A'ah* [ye]. *I think its book prize* [anugerah buku].

AA : **Hadiah untuk apa *tu* [itu]?**

MS : *Academic prize* [anugerah akademik] lah. Dia bagi hadiah *tu* [itu] tahun *enam puluh* [60] *lima puluh sembilan* [59] *kot* [rasa], tapi gambar *tak* [tidak] ada lah.

AA : **Tahun berapa?**

MS : *Sembilan belas lima puluh sembilan* [1959] - *Form 3* [tingkatan 3] lah *tu* [itu]. *Form two* [tingkatan 2], *Form three* [tingkatan 3] lah. *Pastu* [selepas itu] di RMC *tak* [tidak] dapat hadiah apa pun (ketawa). Tapi di RMC dapat geran. Oh, itu dia panggil biasiswa kecil.

AA : **Ashraf: Biasiswa kecil lah. Dapat *tu* [itu] sebab apa *tu* [itu]?**

MS : Sebab kita miskin. Di STAR pun dapat *jugak* [juga]. Biasiswa kecil negeri. *Dua puluh ringgit* [RM20] sebulan *dua puluh ringgit* [RM20] nak buat *ape* [apa] sekali datang Planet *abis dah* [sudah habis] [rujuk kepada lokasi temu bual]. *Dua puluh ringgit* [RM20] sebulan *you know* [awak tahu], sekali makan *je dah* [sahaja sudah] *dua puluh ringgit* [RM20].

AA : **Tapi zaman *dulu* [dahulu] *dua puluh ringgit* [RM20] ringgit *tu* [itu] nilai dia besar eh zaman belajar *tu* [itu] lah. Okay jadi, kawan-kawan**

sekolah zaman sekolah yang profesor masih ingat sampai sekarang,
ada *tak* [tidak]?

MS : Oh ramai.

AA : Ramai yang masih ingat?

MS : Masih ingat.

AA : *Sape* [siapa] *tu* [*itu*]? yang paling rapat lah kiranya?

MS : Ramai kita rapat. Kita bukan macam sekarang, budak-budak sekarang *tak* [tidak] ingat orang punya. *Just now I was meeting one, he just came in my house* [tadi saya baru jumpa seorang, dia datang rumah saya].

AA : Oh, baru jumpa *sorang* [seorang] tadi?

MS : *Last week event annual dinner old RMC* [minggu lepas, majlis makan malam pelajar lama RMC] punya budak.

AA : Semua masih rapat lah semua lah *eh* [ye].

MS : Kalau nak sebut nama ramai pun. Dia sebab kita masih rapat lagi tapi *tak* [tidak] lah hari-hari jumpa kan, semua ada kerja.

AA : Masih lagi berhubung lah kan, jadi kalau jadi apa-apa pun *tau* [tahu] lagi?

MS : Baru lagi kita jumpa ada *old putra gathering annual dinner* [majlis makan malam pelajar lama] *tu* [itu] memang ramai lah.

AA : Jadi dalam sekolah *dulu* [dahulu] boleh kongsikan pengalaman manis dan pahit di sana. Macam pengalaman yang profesor ingat lah waktu profesor belajar, pengalaman yang memang susah nak lupa?

MS : Oh, manis dan pahit. Kebanyakan di RMC lah banyak. Masa di Sekolah Tunku Abdul Rahman *dulu tak* [dahulu tidak] berapa ingat sangat. Lagipun dekat sana pun *tak* [tidak] banyak. Sana orang miskin, RMC *tu* [itu] orang kaya sikit. Bukan orang kaya lah, tapi jenis kita dapat banyak lagi gaji. Gaji banyak, dapat *empat puluh ringgit* [RM40] sebulan dia punya elaun.

AA : Ada macam sesuatu yang jadi *kat* [dekat] situ yang ingat ke?

MS : Saya biasa jadi-- gating (ketawa). Gating dia punya *punishment* [hukuman], maknanya gating *tu* [itu] *we must report every hour* [kami harus laporkan setiap jam], jalan kaki daripada hostel ke *guard house* [rumah pengawal] kat situ kita panggil *gate* [pagar], *thats why we call* [sebab itulah kita panggil] gating. Gating *kire* [kira] kalau macam sekolah biasa dia panggil *detention class* [kelas tahanan] lah kan *ni* [ini] kira *detention class* [kelas tahanan] la. Tak ada sekarang kan? Ada ke

sekarang? Sekarang *ni* [ini] tak buat *ape* [apa], sekarang *ni* [ini] *you* [awak] buat sikit je panggil *lawyer* [peguam] kan? Dulu tak ada.

AA : Kalau sekolah *international* [antarabangsa] ada la tapi kalau sekolah kebangsaan *tak* [tidak] ada kot.

MS : Sekolah menengah pun *tak* [tidak] ada?

AA : Sekolah menengah kelas tambahan *je* [sahaja] dia orang buat?

MS : Kita boleh *juga* [juga] kan *military* [ketenteraan] la dia satu --- Tapi yang saya --- *involvement* [penglibatan] la *involvement* --- *activities* [aktiviti-aktiviti].

AA : Itu yang banyak ingat la *eh* [kan]?

MS : Kita --- *tak* [tidak] ada lah orang kata *satu* [1] *because it is so many* [itu adalah sangat banyak]. *Ah* [ya] - saya biasa jadi penyanyi boleh.

AA : Penyanyi untuk RMC *tu* [itu]?

MS : Ni malam kebudayaan. Saya biasa jadi - apa nama - dipanggil *stage manager* [pengurus pentas]. Ada persembahan, kita ada lampu. Kena jaga lampu semua. Menyanyi pun boleh. *And then* [dan kemudian] api

sebenarnya yang seronok *tu* [itu] naik gunung la *and then* [dan kemudian] yang naik *rafting* [berakit] *tu* [itu]. And then we went through outbound school [Dan kemudian kami pergi melalui Outward Bound School]

AA : Outbount school *tu* [itu] di mana *tu* [itu]?

MS : Lumut. Tak pernah dengar *eh* [ya]. Orang sekarang tak pernah pergi, disiplin banyak. Orang ramai disiplin kan? Budak sekarang dengar disiplin *je* [sahaja] (mengeluh). *Actually outbound school here is a good training center* [Sebenarnya, Outward Bound School di sini ialah sebuah pusat latihan yang baik]. Tak pernah dengar *eh* [ye]? OBS, di lumut. *Actually a lot of company send their staff there la to train them* [sebenarnya banyak syarikat menghantar pekerja kesana untuk mendapatkan latihan]. Mahal - kos dia mahal. Tapi masa kita *dulu* [dahulu] budak-budak kita okay lah. Cuci jamban sendiri. Sekarang tak berani buat kan?

AA : Sekarang *tak* [tidak] ada, mana ada.

MS : *That's why now we have problem* [itu sebab kita tahu masalahnya]. *The younger generation got problem* [generasi muda mempunyai masalah]. *Yes* [ya] okay - Memang banyak pengalaman, nak sebut *jenuh* [penat] la - macam-macam. Tapi memang *I enjoy* [saya gembira]. *Enjoy* [gembira] dia punya *ni* [ini] *the weekend camping* [perkhemahan mingguan], kita *camping* [berkemah] dekat Cameron Highland. Macam di RMC, dia

panggil *annual camp* [perkemahan tahunan] setahun sekali dia buat *dua* [2] minggu. Di Cameron Highland kadang-kadang di Genting Sempah.

AA : **Boleh ingat camping tu [itu]?**

MS : *And then weekend camping* [Dan perkemahan mingguan] ada *almost every week* [hampir setiap minggu].

AA : **Kira semua tu [itu] *under* [bawah] sekolah ke yang anjurkan?**

MS : *Military* [ketenteraan]. *Its part of our military training* [Ia sebahagian dari latihan ketenteraan kami] lah.

AA : ***Okay* [baiklah] jadi selepas RMC tu [itu] selepas sekolah menengah dan tingkatan *enam* [6] kemudian tu [itu]?**

MS : Yang pahit tu [itu] *tak* [tidak] ada lah, *i don't remember anything* [saya tidak ingat apa-apa] pahit lah.

AA : **Semua serba serbi yang seronok lah *kat* [dekat] sana *eh* [ye]?**

MS : Dari segi *scar* [parut] tu [itu] ada sedikit. Kena rotan - tapi tak pahit juga, seronok juga. Kena rotan dengan Tun Hamdan. Dia *our first headmaster* [dia pengetua pertama kami]. Dia dulu *first headmaster of Sekolah Tunku Abdul Rahman* [pengetua pertama Sekolah Tuanku Abdul Rahman]. Dia

biasa rotan sebab kita *organize* [adakan] mogok. Tak pahit (ketawa), seronok. Bulan puasa pulak *tu* [itu], *tak* [tidak] makan, *tak* [tidak] makan sahur, kita mogok masa sahur. Kita *influence* [pengaruhi] semua, *prefect* [pengawas] pun *join* [ikut] kita, *head prefect* [ketua pengawas] pun *join* [ikut] kita *pastu* [selepas itu] kena rotan lah. Malam *tu* [itu] *jugak* [juga] kena rotan.

AA : Kira mogok *tu* [itu] *satu* [1] hari *je* [sahaja] sempat?

MS : *A'ah* [ya] *satu* [1] hari tapi memang dia ubah lah.

AA : Jadi selepas STAR, selepas RMC lepas *tu* [itu] *kat* [dekat] mana profesor melanjutkan pelajaran?

MS : Pergi Cardiff, ada tadi kan yang sebut Cardiff *ni* [ini].

AA : Yang Cardiff *tu* [itu] untuk apa *tu* [itu]? Bawah program apa *tu* [itu]?

MS : *Metallurgy* [kaji logam], tapi saya dapat biasiswa *tu* [itu].

AA : Dapat biasiswa?

MS : *Teaching scholarship* [Biasiswa Pengajar]. *Federal Teaching Scholarship* [Biasiswa Pengajar Persekutuan].

AA : *Okay* [baiklah], **Biasiswa Pengajar Persekutuan la? Itu kira apa eh [ya] Diploma ke?**

MS : *Bsc.* [Bachelor]. *Metallurgy* [kaji logam], saya *tak* bawak kad lah, *tak* [tidak] sempat. Pernah dengar *metallurgy* [kaji logam]? Metal Logam?

AA : **Yang belajar mengenai logam-logam semua *tu* [itu] la *eh* [ye]. Jadi maknanya selepas sekolah menengah terus buat Bachelor, Ijazah *tu* [itu] kan?**

MS : *Under* [bawah] biasiswa lah, England.

AA : : **Jadi lepas belajar Metallurgy Bachelor *tu* [itu], lepas *tu* [itu] sambung belajar apa?**

MS : Master, *Metallurgy* [kaji logam] *jugak* [juga] *Metallurgy and Management* [Kaji logam dan Pengurusan]

AA : **Itu belajar di mana *tu* [itu]?**

MS : Birmingham, University of Birmingham

AA : **University of Birmingham? Yang dekat Cardiff tu [itu] pun University of Cardiff ya?**

MS : Dia punya Universiti panjang nama dia, University College of South Wales and Monmouthshire. Tapi *under* [bawah] University of Wales lah. University of Wales *ni* [ini] ada *lima hingga enam* [5-6] *University College* [Kolej Universiti], Sekarang *ni* [ini], Cardiff *da* [sudah] jadi University of Cardiff sekarang *ni*[ini]. *Dulu* [dahulu] masa *tu* [itu] dia masih *University College* [Kolej Universiti] lagi.

AA : ***Kira* [jadi] dah dinaiktaraf lah sekarang *ni eh* [ini ye].**

MS : *A'ah* [ya] masa *tu* [itu] ada *four or five university college* [empat atau lima kolej universiti], Swansea *satu* [1], Bangor *satu* [1].

AA : **Bangor?**

MS : B-A-N-G-O-R. *Lepas tu* [selepas itu] Aberystwyth *satu* [1]. *Ni where* [ini dimana] Arshad Ayub keluar lah.

AA : **Arshad Ayub *tu* [itu] siapa *tu* [itu]?**

MS : *The first* [pertama] Pengarah ITM [Sebelum UiTM di naik taraf ke Universiti].

AA : **Pengaruh ITM?**

MS : Yang kenal *ni* [ini] *gang-gang* [orang-orang] lama *je* [sahaja].

AA : ***Okay* [baiklah] jadi *lepas* [selepas] di Universiti of Birmingham di bawah *Master Metallurgy and Management* [Master Kaji Logam dan Pengurusan] *lepas tu* [selepas itu] apa lagi?**

MS : Balik mengajar. *Lepas tu* [itu] *lima* [5] tahun pergi *pulak* [pula]. Buat Phd. Di University of Manchester Institute of Science and Technology. U-M-I-S-T. Sekarang *ni dah* [ini sudah] *combine* [bergabung], *dulu* [dahulu] ada *dua* [2]. Sekarang *ni dah* [ini sudah] *combine* [bergabung] *balik* [semula], *it's the biggest university in Europe now, in term a number of student* [Sekarang, ia adalah universiti terbesar di Eropah dalam jumlah pelajar].

AA : **Subjek yang belajar bawah *tu* [itu] ialah apa?**

MS : *Corrosion* [karat], *ni* [ini] *combine* [bergabung] *Chemistry and Metallurgy* [Kimia dan Kaji Logam]. Yang itu Biasiswa Commonwealth.

AA : **Biasiswa Commonwealth? Biasiswa Kerajaan Persekutuan?**

MS : Commonwealth Fellowship.

AA : Kalau Biasiswa Commonwealth tu [itu] sape [siapa] yang tawarkan? Kerajaan Malaysia ke?

MS : England, England bagi. Dia panggil fellowship. Banyak tu [itu], lima ratus pound [500]. Commonwealth Fellowship, ini ialah Ungku Aziz yang bagi dan tolong organize [aturkan].

AA : Ungku Aziz yang tolong organize [atur] kan?

MS : Ungku Aziz pun tak [tidak] kenal kan?

AA : Saya pernah dengar nama tapi saya tak [tidak] ingat.

MS : By chances you [secara kebetulan] mesti dengar, the first Malaysian [orang Malaysia pertama], first [pertama] Melayu. Bapak [bapa] governor [gabenor] Malaysia sekarang.

AA : Tan Sri Zeti Akhtar?

MS : Ha [Ya] bapak [bapa] dia, Profesor Ungku Abdul Aziz. Orang muda tak [tidak] kenal dia lah. He is still alive, he is about 88 [Dia hidup lagi, dia berusia dalam 88 tahun]. Hidup lagi. Dia sama dengan umur Mahathir.

AA : Ungku Abdul Aziz ada bukukan?

MS : Ada buku *tu* [itu]? Buku *about* [mengenai], *Renaissance*. The Renaissance Man buku *tu* [itu], dalam buku *tu* [itu] ada saya punya - dalam buku *tu* [itu] saya ada satu *chapter* [bab] tulis. *One chapter* [satu bab], The Renaissance Man. Kalau *you* [kamu] nak *I* [saya] boleh bagi *a copy of the article* [satu salinan artikel tersebut] *tu* [itu] lah cuma *tak* [tidak] *bawak* [bawa] hari ni. Guna email la boleh. *You can read also* [kamu juga boleh baca], sejarah lawan Cina. Majlis perang cina, sekarang *ni* [ini] *you all* [kamu semua] *tak* [tidak] perang kan? *Ni* [ini] *you* [kamu] perang dengan Melayu.

AA : **Perang antara Melayu (ketawa). Okay jadi, sepanjang duduk dekat Manchester *tu* [itu] isteri professor pun ada ikut sekali lah ye?**

MS : Sejak Cardiff isteri saya ada lagi.

AA : ***So* [jadi] maknanya daripada Cardiff ke Birmingham ke Manchester memang ikutlah sepanjang masa, *tak* [tidak] ada tinggal *kat* [dekat] Malaysia eh.**

MS : Sebab isteri saya pergi buat PhD *dua* [2] tahun, *sepuluh bulan* [10] dah siap. Rekod *tu* [itu].

AA : **Sekarang *ni* [ini] semua bidang yang macam profesor belajar macam *Metallurgy* [Kaji Logam] dan *Corrosion* [karat] *ni* [itu] itu semua**

yang profesor pilih sendiri ke ataupun berdasarkan keluarga
pilihkan ke ataupun yang pihak pengajian yang tawarkan?

MS : Mana ada keluarga *tau* [tahu] apa, *not like you all* [bukan macam kamu semua] sekarang semua tahu. Saya pun *tak* [tidak] tahu apa-apa, saya pilih pun saya *tak* [tidak] tahu apa. Saya minat *chemistry* [kimia] sebab *metallurgy* [kaji logam] ni [ini] banyak *chemistry* [kimia], *physic* [fizik] and *chemistry of metal* [dan kimia logam]. *What I did was I look into the Encyclopaedia Britannica* [Apabila saya membaca Britannica Ensiklopedia], *Metallurgy* [kaji logam] ni *menatang* [bermaksud] apa, *so I look and it says physics, chemistry of metallurgy. And I am good at chemistry at that time* [Jadi saya baca dan ia mengenai fizik, kimia logam. Dan saya bagus dalam kimia pada waktu itu.]

AA : Jadi selepas dapat ijazah semua *tu* [itu] memang *mintak* [mohon] la untuk belajar *Metallurgy* [kaji logam] dan sebagainya ke atau memang *dah* [sudah] ditawarkan jadi--?

MS : *That one interesting for you* [Itu yang akan menarik]. Nak pergi luar negeri? *I choose a subject that is not available here* [saya pilih subjek yang tidak ada disini]. Pandai la sikit.

AA : Cari subjek yang *tak* [tidak] ada di Malaysia?

MS : *Tak* [tidak] ada di Malaysia, *tu* [itu] yang dapat luar negeri *tu* [itu].

AA : **Jadi memang semua subjek yang profesor belajar memang yang profesor pilih sendiri?**

MS : *Tak* [tidak] ada orang, *tak* [tidak] ada *sape* [siapa] nak mengajar. Sekarang *ni* [ini] macam-macam ada kan, sekarang *ni* [ini] *you all everything is given to you* [kamu semua diberi semuanya], Kalau bodoh lagi memang saya marah benar. Dulu *tau* [tahu] *tak* [tidak], *nobody* [tiada siapa] *tak tau* [tidak tahu] apa pun, Universiti pun *tak tau* [tidak tahu] apa dia universiti *tu* [itu]. Sekarang *ni* [ini] kita *bawak* [bawa] di tempat sekarang *ni* [ini] dia orang *nak bawak* [mahu bawa] budak darjah *lima* [5] *nak bawak* [mahu bawa] pergi masuk universiti nak tengok ---.

AA : **Masuk universiti untuk? Tengok universiti?**

MS : *Nak* [mahu] duduk situ *dua* [2] hari *satu* [1] malam, *tah apa bende* [tidak tahu apa-apa]. Bulan Ogos *ni* [ini].

AA : **Daripada mana *tu* [itu]?**

MS : Johor.

AA : ***Okay* [baiklah]. Jadi - bila professor *nak* [mahu] melanjutkan pelajaran *ni* [ini], jadi sebagai mana yang professor cerita, professor**

dapat biasiswa semua, jadi semua *tu* [itu] memang bantuan biasiswa ke atau ada keluarga?

MS : Mana ada, orang miskin *sape nak* [siapa mahu] bayar. Dapat *empat puluh* [40] pound sebulan *lima* [5] pound hantar kampung. Masa *tu* [itu], masa *undergraduate* [masih belajar] *tu* [itu] *empat puluh* [40] pound *per month* [satu bulan]. *Lapan ringgit* [RM8] per pound. *Tiga ratus ringgit* [RM300] lah, hantar *empat puluh ringgit* [RM40] *balik kat bapak* [semula kepada bapa]. *Lima* [5] pound hantar balik. Kita orang miskin *ni* [ini]. Sekarang *ni* [ini] *empat puluh pound* [40] habis dua minggu *je* [sahaja] kan?

AA : *Okay* [baiklah] *tak apa* [tidak mengapa]. **Macam kata profesor sendiri sebelum *ni* [ini] semua benda yang profesor belajar, *metallurgy* [kaji logam] dan sebagainya semua bawah minat professor sendiri la. *Okay* [baiklah] jadi waktu belajar di universiti dulu —?**

MS : Bukan minat pun sebenarnya *tak tau menatang apa* [tidak tahu apa pun]. *Nak* [mahu] pergi luar negeri *je* [sahaja].

AA : *Tapi* [tetapi] memang *nak* [mahu] belajar benda *tu* [itu] lah?

MS : *Pastu* [Selepas itu] *bila* [apabila] *dah* [sudah] belajar - *it's interesting* [ianya menarik]. Sebab *tu* [itu] kadang-kadang nasihat budak-budak *ni* [ini] sibuk sangat nak jadi itu *nak* [mahu] jadi ini, *you* [kamu] *tau* [tahu]

ke apa *bende tu* [semua itu]? Dia tengok *je* [sahaja] ada orang *duk* [duduk] belajar *ni* [ini] dia terus buat macam ni, dia ingat. You jadi do not know.

AA : Sebab *tak tau* [tidak tahu] lagi realiti apa yang *diaorang* [mereka] akan belajar *tu* [itu] kan?

MS : Saya belajar and *then after five year, I enjoy* [selepas 5 tahun, saya gembira].

AA : Macam professor masa belajar benda *tu* [itu] dan kemudian professor jatuh cinta lah dengan subjek *tu* [itu] sendiri?

MS : *That's how it is* [dan begitu] lah.

AA : Jadi waktu belajar di universiti *dulu* [dahulu] siapakah teman seperjuangan profesor di sana?

MS : *Tak ada jugak* [tidak ada juga] lah, *kat* [dekat] Cardiff *tu* [itu] kita - *I'm the only Malaysian there* [saya seorang warga Malaysia disana]

AA : *The only Malaysian there* [Hanya seorang warga Malaysia disana]?

MS : Kelas pun *tak* [tidak] besar, saya ingat dalam *dua puluh* [20] orang juga lah. *I think about* [saya fikir dekat] *dua puluh* [20] *je* [sahaja]. *Metallurgy is about 20 people je* [Kaji logam dalam 20 orang sahaja]. Dia kebanyakan

budak-budak England ada yang *foreigner* [orang asing] ada *sorang* [seorang] *tu [itu]* yang baik dengan saya *tu [itu]* Norweigen, sorang India, Takriwan nama dia. Ada *dua* [2] *tu [itu]* yang saya ingat la *satu [itu]* Norweigen, Claus nama dia, Claus nama dia Claus Breyholt. Kita biasa pergi rumah dia.

AA : Waktu [itu] di sana lah?

MS : *A'ah* [ya] kita melawat rumah dia, kita pegi *holiday* [bercuti], kemudian *sorang* [seorang] India, Takriwal nama dia tapi *not so close* [tidak dekat sangat] lah. Lain *the rest* [yang lain] *tu [itu]* England, *English* [orang Inggeris] lah.

AA : Di Birmingham *dulu* [dahulu] ada yang rakan yang rapat *kat* [dekat] situ?

MS : Yang di Birmingham kebanyakan *English* [orang Inggeris] lah. *Small class* [kelas kecil] *jugak* [juga], dia Masters program, setahun kursus dengan *research* [penyelidikan].

AA : Makna memang *tak* [tiada] ada rakan sekelas yang *tu [itu]* lah *eh* [ya].

MS : *I think it's about ten* [saya ingat dalam sepuluh] juga lah maksimum pun, *tak* [tidak] banyak.

AA : Tak ada yang boleh nak rapat la time *tu* [itu] *eh* [ya]?

MS : Sibuk kerja sibuk, sibuk belajar. Yang kita *duk* [duduk] berkawan *ni* [ini] berkawan dengan *ni je* [ini sahaja] lah [merujuk kepada isterinya] *lepas tu* [selepas itu] kawan dengan budak Malaysia lah budak Malaysia ada *kat* [dekat] situ ramai.

AA : Di Manchester pun sama *jugak* [juga]? Ke macam mana?

MS : Di Manchester banyak, di Manchester dia budak Arab lah, PhD.

AA : Ada yang rapat dengan sesiapa *kat* [dekat] situ?

MS : *Baru ni* [baru-baru ini] ada *sorang* [seorang] datang daripada India *tapi* [tetapi] dia *dah* [sudah] jadi British *citizen* [warga].

AA : *British citizen* [warga British], maknanya asalnya dia daripada India, dia duduk lama dekat —?

MS : *Haa* [ya] masa *tu* [itu] buat PhD dengan dia sekali *at the same time* [pada masa yang sama] lah.

AA : Dekat Manchester *tu* [itu] lah, tahu nama dia?

Bophinder Singh. Tapi dia *ni tarak* [ini tiada] *tu* [itu] turban. Lepas *tu* [itu] saya kenal juga budak-budak Arab, budak arab banyak lah. Tapi dia dah balik kampung, kerja ke *tak tau* [tidak tahu] lah.

AA : ***Kira* [jadi] memang *dah tak* [sudah tidak] jumpa lagi lah?**

MS : Budak Malaysia masa PhD lah, masa PhD kita banyak lah, orang buat PhD banyak kan.

AA : **Jadi, tapi teman yang paling rapat sekali sepanjang masa belajar *tu* [itu], Puan la *eh* [ya] (merujuk kepada isteri Profesor).**

MS : Sebab kita macam di Cardiff ada *sorang* [seorang] *dua* [2] di budak Malaysia. Farid, dia pun budak RMC jugak dia buat *architecture* [arkitek], di Cardiff. *So we had a few people* [jadi kami ada beberapa orang] tapi Farid *ni* [ini] jarang jumpa *dah* [sudah] sekarang *ni* [ini]. Dia *dulu* [dahulu] kerja dengan Lim Kok Wing. Sebab kita macam di Cardiff ada *sorang* [seorang] *dua* [2] di budak Malaysia.

AA : ***Okay* [baiklah] jadi pada pendapat Profesor lah kan, teman seperjuangan macam contohnya Puan [merujuk kepada isteri professor], dengan adanya Puan di sisi Profesor sepanjang masa belajar dulu, dia membantu mempengaruhi profesor belajar *tak* [tidak] di Universiti?**

MS : *Ye [ya]* la dia tolong banyak, tolong masak (ketawa). Tolong masak, tolong taip *thesis* [tesis] tiga-tiga thesis dia yang taip (ketawa). Tiga-tiga, Bsc, Masters, Phd. *Thats why* [sebab itu] cepat siap. Tesis *ni* [ini] besar, saya *tak* [tidak] bawak balik. *Actually I* [sebenarnya saya], dia orang *dah* [sudah] buat my PhD *tu* [itu] tebal, dia orang dah buat *digitalize* [digitalkan], dah ada CD. Orang buat PhD kan lama kan, saya dah siap dia terus taip. *Exactly three years* [setepatnya 3 tahun] bawak balik. Ni bukan teman seperjuangan, *ni* [ini] teman sehidup, semati (ketawa).

AA : **(Ketawa) Memang banyak membantu la *eh* [ya]?**

MS : Kita teman seperjuangan *tak* [tidak] ada sebenarnya, kat universiti *tak* [tidak] ada. *I mean we know people, that's all but* [maksud saya, kita kenal manusia, itu semua tetapi ---].

AA : **Kira yang dah sampai balik Malaysia pun ada kenal kan?**

MS : Ada lagi banyak lagi. Maknanya kita kenal-kenal begitu *je* [sahaja] lah. Lepas *tu* [itu] ada sorang *tu* [itu] naib *chancellor uniten* [canselor Uniten], kita pergi tengok *Manchester City every week* [bandar Manchester setiap minggu]. Ada *season ticket* [musim tiket] kan kita pergi dua-dua orang. *Manchester city* [bandar] kita pergi tengok bola tiap-tiap minggu, dia *tu* [itu] ada la, dia pun *dah* [sudah] berhenti sekarang, Uniten. Profesor Mashkuri.

AA : *So* [jadi] memang adanya teman hidup memang membantulah sangat-sangat ye?

MS : Sampai jadi contoh, "Eh Dato', cepatnya buat PhD"?

AA : Jadi, sekarang *ni* [ini] bagaimana pula dengan latar belakang pendidikan adik beradik profesor?

MS : Yang ke luar negara saya *sorang* [seorang] sahaja lah.

AA : Yang adik beradik lain semua belajar ---

MS : Masuk universiti *sorang* [seorang] lagi, adik bongsu Harun. Yang bongsu la *sorang* lagi masuk universiti sini, Universiti Malaya, dia pun dah pencen dah. Yang lain *tu* [itu], *tak* [tidak] ada lah. Ada *sorang* [seorang] masuk UTM sekejap lepas *tu* [itu] keluar juga.

AA : *Okay* [baiklah] macam profesor kata tadi, sebelum profesor masuk universiti maknanya sebaik sahaja tamat sekolah ada bekerja ke?

MS : *Part time* [kerja sementara] - eh bukan *part time* [kerja sementara], guru sementara.

AA : Jadi guru sementara? *Kat* [dekat] mana *tu* [itu]?

MS : Guru sementara, sekolah kebangsaan ada *satu* [itu], Paya Keladi.

AA : Paya Keladi di mana *tu* [itu]?

MS : Kepala Batas, Pak Lah punya tempat. Saya kerja dengan dia punya setiausaha politik la masa *tu* [itu], dah meninggal dah orang *tu* [itu] pun.

AA : Berapa lama *tu* [itu]?

MS : *Tiga* [3] Bulan, lepas *tu* [itu] mengajar sekolah menengah, Maxwell School [Sekolah Maxwell].

AA : Maxwell *School* [Sekolah Maxwell] sini ke?

MS : *Ha'a* [ya], Maxwell *School* [Sekolah Maxwell] KL [Kuala Lumpur]. Sekolah *gangster* [ganas], *itu* [itu] sekolah menengah la. Itu *5-6 bulan* [lima hingga enam bulan] *ni* [ini] sebelum pergi England lah.

AA : Sebelum pergi England sebelum ke Cardiff kan?

MS : Pergi ke Cardiff September, lepas *tu* [itu] *from first Januari* [dari pertama Januari] *tu* [itu].

AA : Kira memang minat nak mengajar ke atau *kat situ* [dekat situ] *je* [sahaja] boleh masuk?

MS : Cari duit.

AA : **Macam mana boleh dapat *offer* [tawaran] nak mengajar *tu* [itu]?**

MS : Cari lah, bukan *offer* [tawaran] kita pergi cari lah.

AA : **Profesor cari sendiri *eh* [ya]. *Tapi* [tetapi] zaman *tu* [itu] siapa dah habis sekolah memang boleh mengajar ==**

MS : Sementara, mengajar sementara memang ada. Dia gaji *tiga ratus sepuluh ringgit* [RM310], kalau SPM *tu* [itu] gaji dia *seratus lapan puluh ringgit* [RM180] je, kalau HSC sekolah menengah *tu* [itu] dapat *tiga ratus sepuluh ringgit* [RM310] sebulan.

AA : **Pernah jadi guru sementara, *itu* [itu] pekerjaan pertama ke ataupun ada lagi yang awal sebelum *tu* [itu] pernah bekerja?**

MS : *Tak* [tidak] ada.

AA : **Guru sementara *tu* [itu] la sebagai pekerjaan pertama *eh* [ya]?**

MS : Pekerjaan pertama yang betul-betul *ni* [ini] pensyarah lah.

AA : **Maknanya yang lepas habis belajar universiti, pensyarah la?**

MS : Terus pensyarah, sebabnya *scholarship* [biasiswa] pun *teaching scholarship* [biasiswa pengajar]. *Federal teaching scholarship* [biasiswa pengajar persekutuan] kan. Patutnya kerja dengan *technical college* [kolej teknikal], *tak* [tidak] jadi *pastu* [selepas itu] pergi jumpa Pak Ungku UM, dia bagi. Dia cari orang, dia cari melayu. Saya ada kawan *sorang* [seorang] dalam kampus yang bekerja dengan Universiti Malaya, dia panggil. Pergi cepat, terus dapat. Pergi jumpa Pak Ungku, *start* [mula] *besok* [esok] surat pun *tak* [tidak] keluar lagi.

AA : *Alhamdulillah* [syukur] la, terus jadi *lecturer* [pensyarah] di situ.

MS : *Assistant Lecturer* [penolong pensyarah].

AA : *First* [pertama] sekali *start* [mula] dengan *assistant* [penolong] *lecturer* [pensyarah] *je* [sahaja] *eh* [ya]?

MS : Sebab saya ada Master sahaja, tahun *tujuh puluh satu* [1971].

AA : **Profesor pernah berniaga *tak* [tidak]?**

MS : (Geleng kepala).

AA : ***Tak* [tidak] pernah langsung *eh* [ya]. Waktu belajar dulu tak ada *jual-jual* [menjual]?**

MS : *Tak* [Tidak] ada lah. *Kat* [dekat] sekolah rendah *dulu* [dahulu] ada lah tolong *mak sedara* [emak saudara] jual *mihun* [bihun], *mak sedara* [emak saudara] dulu cikgu *situ* [itu], cikgu sekolah menengah. Tolong dia jual, *that's all* [itu sahaja] la meniaga pun, tolong jual *mihun* [bihun].

AA : **Jadi lepas tamat Cardiff *tu* [itu], profesor terus mula mengajar di UM lah ya?**

MS : Lepas Birmingham lah lepas Birmingham. *Pastu* [selepas itu] Birmingham. Cardiff Bsc, *lepas tu* [selepas itu] terus pergi Birmingham Msc. Balik *tu* [itu] baru mengajar.

AA : **Okay [baiklah], maknanya Cardiff, and Birmingham *pastu* [selepas itu] baru pulang ke Malaysia mengajar. Bila mula mengajar *tu* [itu], mengajar sebagai pembantu pensyarah Universiti Malaya *eh* [ya]?**

MS : Penolong pensyarah, bukan pembantu pensyarah.

AA : **UM [Universiti Malaya] *tu* [itu] di PJ [Putrajaya] *eh* [ya]?**

MS : Fakulti kejuruteraan.

AA : **Bawah subjek apa *tu* [itu]?**

MS : Pengajian *material* [bahan] lah. Sebab *tu* [itu] subjek *on metallurgy* [dalam kaji logam].

AA : Oh subjek *Metallurgy* [kaji logam] la?

MS : *Ha'a* [ya] memang *Metallurgy* [kaji logam] la subjek dia. *Faculty of Engineering* [Fakulti Kejuruteraan]

AA : *Okay* [baiklah] jadi - kenapa pilih bekerja sebagai pensyarah?

MS : Pilih macam mana dah biasiswa dia biasiswa pengajar (ketawa).

AA : Jadi mula-mula bekerja sebagai penolong pensyarah di sana lepas *tu* [itu] naik pangkat jadi apa *tu* [itu]?

MS : Profesor Madya lah.

AA : Profesor Madya terus *eh* [ya]? Maksudnya penolong pensyarah terus ke profesor Madya?

MS : Ya.

AA : Jadi sepanjang bekerja sebagai pensyarah di Universiti Malaya di UM *tu* [itu], pencapaian tertinggi yang profesor pernah dapat apa?

MS : Profesor Madya lah, lepas *tu* [itu] jadi timbalan dekan.

AA : **Timbalan dekan lah, di Universiti Malaya *tu* [itu]?**

MS : Timbalan dekan *ni* [ini] *actually* [sebenarnya] tugas tambahan (ketawa).
Bukan pangkat. Pangkat dia pensyarah la, Profesor Madya la.

AA : **Jadi, boleh profesor ceritakan sedikit tak pengalaman =?**

MS : Kalau *nak* [hendak] cerita panjang.

AA : **Sedikit *je* [sahaja], yang paling ringkas? Yang mana profesor ingat lah.**

MS : *Tu* [itu] seronok *nak* [hendak] cerita, saya baru-baru masuk *tu* [itu] daripada Fakulti Kejuruteraan masa *tu* [itu] semua cina. *Engineering Faculty* [Fakulti Kejuruteraan], saya seorang *je* [sahaja] melayu daripada jumlah *lima puluh lima* [55] pensyarah. *Student* [pelajar] dia lebih kurang *empat ratus* [400], ada la *kot* [mungkin] 3-4 [tiga hingga empat] orang melayu. *So* [jadi] *tu* [itu] yang tujuan Ungku Aziz *bawak* [bawa] masuk *tu* [itu], untuk ubah. Ubah daripada 'Hong Kong' kepada 'Malaysia', sebab Universiti Malaya *tu* [itu] *actually* [sebenarnya] *Faculty Engineering* [Fakulti Kejuruteraan] *tu* [itu] *is* [ialah] Hong Kong lah. Masa saya masuk *tu* [itu] pun dah pelik la. Masa *tu* [itu] saya tak reti *bawak* [bawa] kereta lagi, jadi kita pergi naik bas. *You all* [awak semua] sekarang *ni* [ini] *form*

